6.	<p>Kerja-kerja membersihkan dan mencuci bilik-bilik air asrama (Eksekutif) jenis A di Blok D adalah seperti dibawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Setiap bilik air hendaklah dicuci dan dibersihkan menggunakan pencuci/bahan kimia yang sesuai (anti kuman dan berbau wangi) dan hendaklah dimop kering selepas dicuci. ii) Sinki-sinki dan kaunter didalam bilik air hendaklah dicuci dengan bahan pencuci yang sesuai. iii) Mangkok tandas hendaklah sentiasa bersih dan dicuci dengan bahan pencuci yang mempunyai bahan kimia anti kuman. iv) Dinding-dinding bilik air hendaklah dibersihkan dan dicuci dengan bahan pencuci yang sesuai v) Lantai bilik air hendaklah dicuci menggunakan scrubbing machine bagi memastikan kotoran degil tanggal. vi) Sediakan kelengkapan <i>amenities</i> sedtiap tandas 	<p>Setiap hari (harian) 1 kali sehari (asrama jenis A tingkat 3)</p> <p>Bulanan / 2 kali sebulan (2 minggu sekali)</p> <p>Setiap hari dan bila diperlukan</p>
7.	<p>Perkhidmatan membekal keperluan lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Membekal sabun mandi, sanitary bag dan lain-lain keperluan asrama. ii) Membekal pek minuman segera ke asrama jenis A (Eksekutif) setiap hari. Di lampirkan keperluan : <ul style="list-style-type: none"> a) Air minuman (RO water 500ml) 2 botol setiap bilik b) Nescafe sachet (2in1) 2 unit setiap bilik c) Teh tarik sachet (2in1) 2 unit setiap bilik d) Sabun mandi 2 buku (15gm) setiap bilik e) Sanitary bag 2 unit setiap bilik (termasuk bilik asrama wanita) 	<p>Membekal 2 buku sabun bersaiz kecil (15 gram) dan Sanitary bag 2 unit setiap hari untuk kegunaan Asrama jenis A (Eksekutif) tingkat 3.</p> <p>Dibekalkan untuk asrama jenis A</p>

1. TEMPOH WAKTU DAN TEMPAT PERKHIDMATAN DIBERIKAN

- a) Kontraktor diwajibkan menyediakan perkhidmatan dalam mengikut tempoh waktu dan tempat seperti di bawah :

KAWASAN BERTUGAS	HOUSEKEEPING	BANGUNAN	CATATAN
Waktu bekerja	8.30 am – 5.30 pm	7.00 am – 4.00 pm	Termasuk waktu rehat
Cuti	Sabtu	Ahad	
Separuh hari	Ahad (2.30pm – 8.30pm)	Sabtu (7.00am – 1.00pm)	Termasuk waktu rehat
Rehat	1 jam setiap hari		Penyelia syarikat perlu menyediakan jadual waktu rehat setiap pekerja

- b) Pihak IKMa boleh dari masa ke semasa mengarahkan kerja-kerja tambahan dan kerja tersebut dikehendaki dibuat selepas waktu bertugas atau pada hari cuti rehat, adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk melaksanakannya. Pihak kontraktor boleh membuat tuntutan kerja lebih masa daripada pihak IKMa. Pengiraan tuntutan kerja lebih masa adalah seperti di Perkara 6 (vii).

2. PERALATAN PEMBERSIHAN & BAHAN PENCUCI / KIMIA

Kontraktor diwajibkan menyenaraikan peralatan dan bahan pencuci/kimia yang digunakan dalam perkhidmatan membersihkan bangunan dan housekeeping seperti LAMPIRAN B dan LAMPIRAN C.

Keutamaan akan diberikan kepada kontraktor yang menggunakan bahan pencuci/kimia yang halal dan selamat digunakan serta tidak merosakkan permukaan bangunan.

3. GARIS PANDUAN TENAGA KERJA

- i) Pihak kontraktor diminta menyediakan pekerja seramai 20 orang termasuk pekerja lelaki sekurang-kurangnya seramai 5 orang. Pekerja yang ditugaskan di Blok C dan D mestilah 6 orang pekerja wanita seperti berikut:

BIL	TUGASAN	BILANGAN
1.	PENYELIA (LELAKI)	1
2.	PENOLONG PENYELIA (WANITA)	1
3.	MEMBERSIHKAN BLOK A	3
4.	MEMBERSIHKAN BLOK B	2
5.	MEMBERSIHKAN BLOK C, D & (HOUSEKEEPING)	6 (Pekerja wanita sahaja)
6.	PUBLIC AREA BLOK A,B,C,D & E	2
7.	MEMBERSIHKAN BLOK E	2
8.	PUBLIC AREA BLOK K	1
9.	MEMBERSIHKAN BLOK K	2

JUMLAH	20
--------	----

- ii) Senarai nama pekerja perlu disediakan oleh pihak kontraktor dalam tempoh masa **7 HARI** dari tarikh perlantikan dan disahkan secara bertulis oleh pegawai IKMa yang bertanggungjawab.
- iii) Kontraktor digalakkan menyediakan jumlah majoriti pekerja warganegara tempatan
- iv) Kontraktor diwajibkan menyediakan pekerja yang berusia antara **19 - 50 tahun atau bersesuaian spesifikasi tugas**
- v) Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja yang sihat tubuh badan, fizikal dan mental. Laporan kesihatan pekerja perlu dibekalkan sekiranya diperlukan oleh pihak IKMa.
- vi) Pengambilan pekerja warga tempatan/ warga asing adalah di bawah tanggungjawab sepenuhnya pihak kontraktor dan sebarang urusan dengan pihak berkuasa tidak melibatkan pihak IKMa. Kontraktor perlu memberikan butiran lengkap peribadi pekerja seperti nama, nombor kad pengenalan dan lain-lain sekiranya diminta oleh IKMa.
- vii) Pihak kontraktor **WAJIB** menyediakan penyelia dan penolong penyelia warga tempatan. Penyelia perlu menyerahkan logbook kerja seharian kepada Unit Fasiliti dan Sajian, IKMa pada setiap hari sebelum memulakan kerja keesokan hari. **Tugas penyelia** seperti berikut:
 - a) Menyedia, menyelia dan menghantar jadual kerja bulanan pekerja perkhidmatan membersihkan bangunan dan housekeeping di Kampus Utama IKMa setiap lima (5) haribulan setiap bulan.
 - b) Menyedia dan menghantar senarai semak perkhidmatan membersihkan bangunan dan housekeeping di IKMa setiap awal bulan sebelum lima (5) haribulan bagi tujuan pemantauan kerja.
 - c) Memastikan kakitangan seliaan hadir bekerja dan menjalankan kerja-kerja seperti yang ditetapkan di dalam jadual dan skop kerja.
 - d) Memastikan peralatan dan kelengkapan kerja termasuk sabun dan peralatan housekeeping sentiasa mencukupi.
 - e) Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja perkhidmatan cuci bangunan dan housekeeping di Kampus Utama IKMa.
 - f) Bersedia setiap masa apabila dipanggil/ diperlukan oleh penyelia IKMa untuk perkhidmatan cuci bangunan dan housekeeping di Kampus Utama IKMa.
 - g) Sentiasa melaporkan aktiviti kerja membersihkan bangunan dan housekeeping termasuk masalah yang timbul kepada pegawai yang bertanggungjawab Ketua UFS IKMa.
 - h) Melaksanakan arahan Ketua Unit Fasiliti Dan Sajian IKMa dari masa ke semasa.
- viii) Sebarang kerosakan atau kehilangan yang berlaku kepada harta kerajaan di IKMa/

pelawat/ peserta kursus disebabkan kecuaiannya pihak kontraktor atau pekerjanya hendaklah dibaiki atau diganti atas perbelanjaan kontraktor sendiri dengan keadaan sama atau nilai setara. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan IKMa membuat potongan atas bayaran kepada kontraktor dengan nilai setara semasa daripada bayaran perkhidmatan yang dibayar.

- ix) Semua pekerja hendaklah warganegara Malaysia atau pekerja asing yang sah berdaftar Mahir dan berpengalaman dalam selok belok kerja-kerja pencucian bangunan, berpakaian seragam lengkap, (seluar, baju korporat syarikat dan kasut), bersikap jujur, amanah, bersopan santun, berdisiplin dan bertanggungjawab, dan bebas daripada rekod jenayah.
- x) Sekiranya seorang pekerja bercuti sakit, cuti rehat, cuti kecemasan, tidak hadir bekerja, tidak melapor diri untuk bertugas atau dalam apa jua keadaan yang tidak menghadirkan diri untuk bertugas, maka kontraktor hendaklah memastikan terdapat pekerja lain yang akan menggantikan tugas harian pekerja berkenaan tanpa menjejaskan perkhidmatan tersebut. Jika tiada pekerja yang diganti, tolakan akan dibuat mengikut bilangan hari yang tiada pekerja tersebut.
- xi) Selain tugas-tugas yang disenaraikan, adalah menjadi tanggungjawab IKMa untuk menggunakan khidmat tenaga kerja kontraktor untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu yang berkaitan.
- xii) Kontraktor dikehendaki memaklumkan kepada IKMa secara bertulis mengenai pertukaran atau perbehentian seseorang bekerja. Bagi calon pekerja yang akan menjadi pengganti, mereka juga terikat dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam spesifikasi sebutharga.
- xiii) Kontraktor akan dikenakan **potongan atau denda pada kadar RM60.00 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Sahaja) sehari bagi setiap pekerja yang tidak hadir bertugas pada hari-hari bekerja seperti mana yang telah ditetapkan. Potongan atau denda ini akan ditolak daripada bayaran bulanan.**
- xiv) Pekerja-pekerja tersebut juga perlulah melebihi umur pekerja seperti yang disyaratkan oleh Jabatan Buruh, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain syarat yang ditetapkan oleh Jabatan berkenaan seperti perlindungan SOCSO dan caruman KWSP.

4. STATUS PEKERJA

- a) Semua pekerja (termasuk penyelia) yang diambil bekerja mestilah:
 - i) Bebas daripada rekod jenayah dan penyalahgunaan dadah.
 - ii) Sihat dan tidak mempunyai penyakit merbahaya dan berjangkit.
 - iii) Jujur, amanah, bersopan santun, berdisiplin dan bertanggungjawab dan
 - iv) Sebolehnya warganegara Malaysia (pihak kontraktor boleh mematuhi pekerja warganegara asing dengan syarat kontraktor mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan imigresen dan undang-undang lain yang berkaitan, yang membolehkan warganegara asing bekerja di Malaysia.
- b) Sekiranya IKMa mendapati mana-mana pekerja kontraktor pernah terbabit dengan penyalahgunaan dadah atau jenayah sedangkan ianya tidak dilaporkan, IKMa berhak dengan serta merta menggantung kehadiran pekerja terbabit di IKMa dan kontraktor

perlu menggantikan pekerja tersebut dengan pekerja lain. Walau bagaimanapun, tindakan penggantian pekerja lain oleh kontraktor tidak menafikan hak IKMa untuk mengambil tindakan lain ke atas kontraktor, selaras dengan syarat-syarat perjanjian ini.

5. PAKAIAN SERAGAM / UNIFORM

- i) Kontraktor mestilah memastikan pekerja diberi bekalan pakaian seragam atau uniform yang mencukupi dan pemakaiannya adalah lengkap dan kemas serta kasut bertutup.
- ii) Pekerja juga hendaklah memakai tanda nama masing-masing dan pas bekerja atau kontraktor IKMa yang boleh didapati di pondok pengawal sebelum memulakan kerja. Pas bekerja atau kontraktor perlu dikembalikan kepada pondok pegawai IKMa setiap kali selepas waktu bekerja.
- iii) Kontraktor hendaklah memastikan pekerja memakai peralatan keselamatan (sekiranya perlu) yang bersesuaian semasa mengendalikan tugas berkaita

6. KOS PERKHIDMATAN/SPEKIFIKASI HARGA

- i) Harga bagi semua perkara dan bidang kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja.
- ii) Kontraktor diwajibkan untuk menyenaraikan perincian kos yang terlibat di dalam sebutharga yang hendak dihantar seperti dalam jadual harga dilampirkan.
- iii) Kontraktor diwajibkan untuk menyenaraikan perincian kos yang terlibat di dalam sebutharga yang hendak dihantar seperti dalam jadual harga dilampirkan.
- iv) Harga tawaran merangkumi kos upah pekerja, kosengkapan, kos lain yang berkaitan dan margin keuntungan kontraktor.
- v) **Kos upah pekerja termasuk semua kos yang terlibat dan ditanggung oleh kontraktor bagi menyempurnakan perkhidmatan yang diberikan kepada IKMa seperti insuran, socso, KWSP dan sebagainya.**
- vi) Kosengkapan termasuk kos berkaitan mesin dan bahan pencuci seperti di Lampiran.
- vii) **Pengiraan kerja tambahan** yang tidak termasuk dalam spesifikasi adalah berdasarkan **RM50/ seorang/ sehari**. Walaubagaimanapun, arahan/ slip tugas daripada Unit Fasiliti dan Sajian IKMa perlu dilampirkan.

7. PENGUATKUASAAN OLEH IKMa

- i) Kontraktor akan dikenakan tempoh **percubaan selama tiga (3) bulan** di mana **IKMa berhak pada bila-bila masa menamatkan perjanjian ini sekiranya pada hemat IKMa perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor tidak memuaskan dengan syarat notis secara bertulis hendaklah diberikan tidak kurang dari 24 jam dari tarikh berkuatkuasanya penamatan tersebut dan IKMa berhak melantik mana-mana syarikat lain yang difikirkan layak**

- ii) Selepas tempoh percubaan selama tiga (3) bulan, prestasi kontraktor akan dinilai oleh IKMa :
 - a) Sekiranya prestasi adalah memuaskan, kontrak akan disambung untuk baki sembilan (9) bulan ; atau
 - b) Sekiranya prestasi tidak memuaskan, tempoh percubaan akan disambung antara satu (1) bulan atau dua (2) bulan untuk penilaian semula prestasi dan sekiranya prestasi memuaskan kontrak akan disambung untuk baki tujuh (7) atau lapan (8) bulan. Namun sekiranya prestasi tidak mencapai tahap yang diharapkan oleh IKMa dan pihak kontraktor tidak memenuhi syarat yang ditetapkan pihak IKMa berhak menamatkan kontrak dengan satu (1) bulan notis.
- iii) Pihak Kontraktor perlu mendapatkan pengesahan secara bertulis daripada pegawai IKMa untuk setiap tugas yang telah dilaksanakan secara harian.
- iv) Pihak Kontraktor hendaklah mematuhi segala arahan berkaitan dengan Perkhidmatan Membersih Bangunan dan Housekeeping yang dikeluarkan oleh pihak IKMa samada secara lisan atau bertulis selain yang dinyatakan dalam Spesifikasi Perkhidmatan.
- v) Pihak IKMa berhak **memotong sebarang pembayaran atau denda maksimum 5%** dari bayaran bulanan yang dituntut oleh kontraktor jika didapati kerja-kerja yang dijalankan tidak memuaskan atau tidak menjalankan perkhidmatan seperti mana spesifikasi tugas yang telah ditetapkan. Potongan atau denda ini akan ditolak daripada bayaran bulanan.
- vi) Pihak IKMa juga berhak memotong **pembayaran gaji pekerja sekiranya pekerja hadir lewat melebihi tiga (3) kali tanpa sebarang alasan munasabah (bukti kelewatan dikemukakan secara bertulis dan disahkan oleh pegawai IKMa)**. Pemotongan bayaran dibuat melalui pengiraan kadar gaji bulanan.
- vii) Sebarang **keputusan** berkaitan dengan **pemilihan/ pelantikan/ penyambungan dan penamatan kontrak** Perkhidmatan Membersih Bangunan dan Housekeeping bagi Kampus Utama IKMa, 103 Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor hendaklah melalui **Jawatankuasa Sebut Harga IKMa** dan sebarang keputusan diluar mesyuarat tidak diambil kira.
- viii) Pihak kontraktor wajib menyediakan kakitangan mencukupi seramai 20 orang, sekiranya kakitangan dibekalkan tidak mencukupi bagi tempoh dua (2) hingga tiga (3) bulan dari surat tawaran pihak IKMa boleh mengambil tindakan pemotongan bayaran/ denda atau memberi notis untuk di tamatkan perkhidmatan.

8. AM

- i) Pekerja hendaklah hadir bertugas **TIDAK LEWAT** daripada waktu yang ditetapkan termasuk pekerja pengganti jika pekerja yang bertugas bercuti atau tidak hadir.
- ii) Memastikan setiap pekerja mematuhi dan menghormati peraturan-peraturan semasa IKMa.
- iii) Setiap pekerja dikehendaki menunjukkan budi pekerti yang baik, mempunyai disiplin kelakuan termasuk tutur kata, pakaian dan rambut bersesuaian dengan tugas yang dilaksanakan.

- iv) Mengemaskini maklumat pekerja dan memaklumkan kepada pihak IKMa sekiranya terdapat perubahan/pertukaran pekerja.
- v) Setiap pekerja hendaklah sentiasa memakai pakaian seragam yang lengkap dan kemas semasa bertugas.
- vi) Pekerja **DILARANG MEROKOK/ VAPE** semasa menjalankan tugas.
- vii) Sebarang kerosakan/ kehilangan harta IKMa atau penghuni premis yang berpunca/ disebabkan oleh kecuaiannya pekerja dan terbukti, maka pihak kontraktor dikehendaki memperbaiki/ menggantikannya.
- viii) Pekerja adalah **DILARANG TIDUR** pada bila-bila masa semasa bertugas.
- ix) Kontraktor bertanggungjawab untuk memberi teguran dan amaran sekiranya mendapati anggota pekerja cuai ketika menjalankan tugas.

9. LAIN-LAIN

- i) Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan IKMa dan syarat-syarat dalam penentuan sebut harga dan syarat-syarat dalam surat tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat- syarat kontrak.
- ii) Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menyediakan Kontrak Asal serta salinan-salinan fotostat kontrak tersebut termasuk duti setem adalah ditanggung oleh penyebut harga yang berjaya.

(7)

LAMPIRAN A

(KETERANGAN PENYEBUTHARGA)



KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

1.0 **NAMA PENYEBUTHARGA :**
(Syarikat)

2.0 **ALAMAT PENYEBUTHARGA :**

i. Ibu Pejabat :
.....
.....

ii. Cawangan :
.....
.....

3.0 **NO. TELEFON
PENYEBUT
HARGA :**

i. Ibu Pejabat :

ii. Cawangan :

4.0 **PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN**

4.1 Tempoh Pendaftaran : Mulai :
(Sila sertakan salinan Hingga :
sijil Pendaftaran)

4.2 Taraf PENYEBUT HARGA : * Bumiputera/Bukan Bumiputera (Sila sertakan
sijil pengiktirafan yang dikeluarkan oleh
Kementerian
Kewangan Malaysia)

5.0 **MODAL PENYEBUTHARGA :** (Isi mana yang berkenaan sahaja)

5.1 Perseorangan/Perkongsi RM.....
:
(Nyatakan modal terkumpul iaitu daripada punca-
punca seperti wang simpanan, saham dan
pinjaman bank dan lampirkan bank statement 3
bulan terkini. **Sila sertakan salinan sebagai
bukti**)



**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEMBERSIH BANGUNAN DAN HOUSEKEEPING BAGI KAMPUS
UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) 103, JALAN TEMPLER PETALING JAYA SELANGOR.**

5.2 Sendirian Berhad
(Sdn.Bhd) / Berhad
(Bhd):

5.21 Modal Dibenar : RM.....

5.22 Modal Dibayar : RM.....

6.0 BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)

6.1 Perseorangan:

Nama Pemilik :

No. K/P :

6.2 Perkongsian :

Nama Pekongsi	No. K/P	% Kongsian

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

6.3 Sendirian Berhad/ Berhad:

Nama Pemegang Saham	No. K/P	% Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

6.4 Ahli Lembaga Pengarah

Nam a	No. K/P	Keturuna n

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

7.0 KOMPOSISI PEKERJA

	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
i. Pengurusan

ii. Teknikal/Eksekutif

iii. Pentadbiran/Akaun

iv. Operasi

Bil	Nam a	Umur	No K/P	No Pasport	Warganegara	Bangsa



8.0 PENGALAMAN : (Wajib Lampirkan)

PENGAKUAN : (Ditandatangani oleh orang yang diberikuasa dan bertanggungjawab dalam urusan sebut harga ini)

Dengan ini saya mengaku dan mengesahkan bahawa segala butir-butir dan maklumat di atas adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Penyebutharga :
(Syarikat)

Tarikh :

(8)

LAMPIRAN B&C

(KEPERLUAN PERALATAN DAN BAHAN CUCI)

LAMPIRAN B

Senarai peralatan minimum yang **WAJIB** disediakan oleh syarikat sekiranya ditawarkan projek ini bagi perkhidmatan mencuci dan membersihkan bangunan kampus utama IKMa, adalah seperti:

Bil	Kegunaan	Cadangan Jenama/Model	Unit Kuantiti
1.	Peralatan Cucian Lantai: i) Pengilap (polishing) ii) Pengikis (Scrubbing) iii) Penyedut Hampagas a) Dry b) Wet & Dry		1 unit 1 Unit 10 Unit 1 Unit
2.	Mesin Pengering Air (Air blower)		2 Unit
3.	Water Jet (Penembak air berkuasa tinggi)		1 Unit
4.	Fogging machine sanitizer		2 unit
5.	Peralatan Pencucian: i) Plastik HDPE (Hijau) ii) Plastik HDPE (biru) iii) Penyapu sawang iv) Penyapu roman / lidi v) Mop / dust mop vi) Dry mop vii) Tuala/kain pengelap viii) Baldi ix) Single / double bucket mop x) Squeegee cermin xi) Squeegee lantai xii) Janitor cart trolley xiii) Berus mangkuk tandas xiv) Sarung tangan getah untuk pekerja pencuci		Ikut keperluan Ikut keperluan 6 Unit 6 Unit 15 Unit 15 unit 44 Unit 12 Unit 8 unit 12 Unit 12 Unit 5 unit 14 unit 14 unit
6.	Housekeeping cart		3 unit



SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEMBERSIH BANGUNAN DAN HOUSEKEEPING BAGI KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) 103, JALAN TEMPLER PETALING JAYA SELANGOR.

7.	Janitor Cart with cover (Grey)		3 unit
8.	Peralatan Housekeeping		Ikut keperluan
9.	Lain-lain peralatan yang ditawarkan/ dicadangkan: i) Troli Barang ii) Troli Barang (<i>Heavy Duty/ 500KG</i>) iii) Tangga		2 Unit 2 Unit 2 Unit
10.	Peralatan lengkap PPE untuk kerja-kerja sanitasi IKMa		Ikut keperluan

SENARAI BAHAN PENCUCI/ BAHAN KIMIA WAJIB DISEDIAKAN

Bil	Kegunaan	Tempat kegunaan	Cadangan Jenama *	Kuantiti (Liter)
1.	Mengikis Kekotoran (<i>scrubbing</i>)	Kawasan laluan utama dan tempat-tempat lain yang dirasakan perlu	Sinar Implikasi chemical / Expert Chem Technology/ Imec / Setara	
2.	Mengilat lantai (<i>polishing</i>)	Lobi blok B, laluan bilik asrama dan laluan umum dan kawasan lain yang dirasakan perlu	Sinar Implikasi chemical / Expert Chem Technology/ Imec /setara	
3.	Mengilap (<i>spraying & buffing</i>)	Dalam, Kawasan laluan utama luar, lobi asrama dan kawasan yang dirasakan perlu	Sinar Implikasi chemical/ Expert Chem Technology/ Imec / setara	
4.	Mengelap lantai (<i>mopping</i>) i) <i>Multipurpose clean</i>	Dalam, laluan utama, laluan luar bilik asrama dan kawasan dirasakan perlu	Sinar Implikasi chemical/ Expert Chem Technology/ Imec / setara	
	ii) <i>Perfume bouquet</i>	Permukaan lantai	Sinar Implikasi chemical/ Expert Chem Technology/ Imec / setara	
5.	Mencuci mangkuk tandas, mangkuk kencing dan sinki	Bilik air / tandas	Sinar Implikasi chemical / Expert Chem Technology / Imec / setara	
6.	Mencuci cermin dinding, tingkap dan pintu	Dalam dan luar bangunan	Sinar Implikasi chemical / Expert Chem Technology/ Imec / setara	
8.	Menanggalkan kekotoran pada logam. Cth – stainless steel	Kerangka pintu / tingkap, pemegang tangga dll	Sinar Implikasi chemical / Expert Chem Technology/ Imec / setara	
9.	Menjalankan kerja-kerja	Kerja-kerja sanitasi dalam	Sinar Implikasi	



SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEMBERSIH BANGUNAN DAN HOUSEKEEPING BAGI KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) 103, JALAN TEMPLER PETALING JAYA SELANGOR.

	sanitasi	bangunan dan luar bangunan	chemical / Expert Chem Technology/ Imec / setara	
10.	Pencuci pewangi telefon	Pewangi telefone	Scentpur/ Imec / setara	
11.	Shampoo carpet	Kerja-kerja cuci karpét	Sinar Implikasi chemical/ Expert Chem Technology/ Imec / setara	
12.	Lemon pledge	Polish permukaan kayu	SC Johnson*	
13.	Pewangi pejabat <i>air freshener</i>	Pewangi pejabat	Glade*	

Semua peralatan dan bahan cucian untuk Perkhidmatan Membersih Bangunan dan Housekeeping bagi Kampus Utama IKMa perlu disediakan dalam **tempoh 7 hari dari tarikh lantikan**

Semua bahan Pencuci perlu mendapat kelulusan pihak IKMa sebelum digunakan.

* Kualiti bahan pencuci yang dibekalkan hendaklah setara dengan kualiti bahan pencuci daripada jenama Sinar Implikasi chemical atau lebih baik.

(9)

LAMPIRAN

(SENARAI TUGAS PENYELIA)



SENARAI TUGAS PENYELIA :

1. Menguruskan pentadbiran syarikat kontraktor dilantik.
2. Merancang pelaksanaan tugas-tugas di laksanakan.
3. Bertanggungjawab menyediakan dan menghantar jadual kerja bulanan pekerja perkhidmatan membersih bangunan dan housekeeping di Kampus Utama IKMa setiap bulan.
4. Bertanggungjawab menyedia dan menghantar senarai semak perkhidmatan membersih bangunan dan housekeeping di IKMa setiap awal bulan bagi tujuan pemantauan kerja.
5. Bertanggungjawab menyediakan tuntutan bayaran bulanan (penolakan atau tambahan kerja) sebelum 5 haribulan setiap bulan.
6. Bertanggungjawab memastikan kakitangan seliaan hadir bekerja dan menjalankan kerja-kerja seperti yang ditetapkan di dalam jadual dan skop kerja.
7. Bertanggungjawab memastikan peralatan dan kelengkapan kerja termasuk sabun dan peralatan housekeeping sentiasa mencukupi dan **mempunyai rekod untuk tujuan pemantauan oleh pihak IKMa.**
8. **Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja** perkhidmatan pembersihan bangunan dan housekeeping di IKMa Jalan Templer Selangor.
9. Bertanggungjawab sepenuhnya tugas penyelenggaraan hygiene oleh pekerja membersih bangunan dan housekeeping di Kampus Utama IKMa.
10. Memastikan tempat rehat dan kabin stor syarikat berada dalam keadaan bersih, tersusun dan kemas setiap masa.
11. Bersedia setiap masa apabila dipanggil/ diperlukan oleh Penyelia IKMa atau Pegawai Kanan UFS untuk perkhidmatan pembersihan bangunan dan housekeeping di IKMa.
12. Melaksanakan arahan Pegawai Kanan UFS, IKMa dari masa ke semasa.

(10)

LAMPIRAN

(SENARAI TUGAS PENOLONG PENYELIA)




SENARAI TUGAS PENOLONG PENYELIA (WANITA) SEPENUH MASA :

1. Membantu menyediakan, dan memantau setiap hari tugas pekerja perkhidmatan membersih bangunan dan housekeeping di Kampus Utama IKMa.
2. Membantu menyediakan dan menyemak kerja-kerja membersih bangunan dan housekeeping yang telah dilaksanakan.
3. Bertanggungjawab sepenuhnya kakitangan seliaan dibahagian asrama hadir bekerja dan menjalankan kerja-kerja seperti yang ditetapkan di dalam jadual dan skop kerja.
4. Bertanggungjawab sepenuhnya tugas penyelenggaraan hygiene oleh pekerja membersih bangunan dan housekeeping di Kampus Utama IKMa.
5. Memastikan peralatan dan kelengkapan kerja termasuk sabun dan peralatan housekeeping sentiasa mencukupi dan mengikut keperluan kerja-kerja cucian.
6. Memastikan tempat rehat dan kabin stor syarikat berada dalam keadaan bersih, tersusun dan kemas setiap masa.
7. Bersedia setiap masa apabila dipanggil/ diperlukan oleh penyelia IKMa untuk bincang berkenaan tugas perlu diambil tindakan.
8. Membantu tugas pramusaji bila diperlukan.
9. Melaksanakan arahan Pegawai kanan UFS dari masa ke semasa.

(11)

PELAN LANTAI

PELAN KAWASAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA



(12)

JADUAL TAWARAN HARGA



SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEMBERSIH BANGUNAN DAN HOUSEKEEPING BAGI KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) 103, JALAN TEMPLER PETALING JAYA

JADUAL KADAR HARGA TAWARAN PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA UNTUK TEMPOH 2 + 1 TAHUN.

JADUAL KADAR HARGA

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	KADAR	JUMLAH
1.0	KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM				
1.1	Insurans				
	i. Contractors All Risk	pukal	-	-	
	ii. Workmen Compensation	pukal	-	-	
1.2	Kos Penyediaan Pakaian Seragam (3 Set / Tahun)	20	RM 300.00 per/pax		RM 6,000.00
JUMLAH KESELURUHAN					RM

RINGGIT MALAYSIA : _____

TEMPOH KERJA : SATU TAHUN (12 BULAN)

Tandatangan Penyebut harga :
Nama :
No. K/P :
No. Telefon :
Tarikh :
Cop Syarikat :

PENGAKUAN PENYEBUT HARGA

Kami/ saya dengan ini bersetuju menerima semua syarat-syarat spesifikasi pelawaan Sebutharga ini dengan harga disahkan seperti berikut :

BIL	PERKARA	HARGA (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)	JUMLAH 12 BULAN (RM)
1	Penyelia	RM 1,700.00 x 1 orang		
2	Penolong Penyelia	RM 1,600.00 x 1 orang		
2	Pekerja	RM 1,500.00 x 18 orang		
3	Laporan kerja bulanan (bergambar)	<p>Kontraktor hendaklah mengemukakan laporan berserta gambar foto berwarna (bertarikh) yang diambil pada setiap peringkat kerja berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Sebelum pelaksanaan b. Semasa pelaksanaan c. Selepas pelaksanaan <p>Laporan bergambar berkenaan (1 laporan bergambar sebelum, semasa, selepas) hendaklah di <i>binding</i> dengan kemas dan lengkap dan diserahkan kepada Pegawai UFS yang bertanggungjawab atau wakilnya selewat-lewatnya 5 haribulan setiap bulan. Jika tidak sebarang bayaran tidak akandikeluarkan</p>		
4	Purata kos penyediaan bayaran kerja lebih masa	<p>Pukul penyediaan bayaran kerja lebih masa dan lain-lain yang berkaitan. (Kerja-kerja dilaksanakan apabila diarahkan oleh IKMa)</p>	50.00 Seorang / Sehari	-
5	Purata kos perkhidmatan memindahkan barang dan peralatan	<p>Pukul Memindahkan barang atau kerusi meja dari blok A,B,C,D,E dan K ke mana-mana blok di IKMa. (Kerja-kerja dilaksanakan apabila diarahkan oleh IKMa)</p>	250.00	3,000.00
6	Purata Kos Luar Jangka	<p>Pukul Kerja-kerja diluar jangka menggunakan tenaga kerja lain di IKMa. (Kerja-kerja dilaksanakan apabila diarahkan oleh IKMa)</p>	10,000.00	-
7	Purata kos bahan-bahan pakai buang dan mesin (cth: Plastik dll)	<p>Pukul (Senaraikan jenis dan harga rujuk) : Lampiran B</p>		

8	Purata kos bahan-bahan pencuci / kimia	Pukal (Senaraikan jenis dan harga rujuk) : Lampiran C		
9	Kos Pentadbiran	Pukal a) Lain - lain kos b) Keuntungan		
		JUMLAH HARGA		
		SST 8% (JIKA ADA)		
		JUMALAH HARGA KESELURUHAN		

- i. Kadar harga sebulan
- ii. Kadar harga 12 bulan

Jumlah Keseluruhan dengan perkataan :

Dengan ini saya seperti penama dalam syarikat _____
mengesahkan bahawa

butiran yang diberikan adalah benar sekiranya berjaya akan dilaksanakan sepenuhnya.

(Tandatangan Sebutharga)

(Tandatangan Saksi)

Nama : _____

Nama : _____

No. K/P : _____

No. K/P : _____

Jawatan : _____

Jawatan: _____

Cop Syarikat :

Perhatian:

(Adalah dimaklumkan bahawa kadar upah pekerja yang ditawarkan adalah berdasarkan Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 Akta 732 Perintah Gaji Minimum 2024 (jika berkaitan) dan amat penting untuk mengukur/mempertimbangkan tawaran petender serta haruslah setara dengan kos sara hidup di kawasan Petaling Jaya